

# UniSZA raih enam pingat



Pasukan UniSZA berkongsi kejayaan memperoleh pingat.

**GONG BADAK** – Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA) merangkul enam pingat pada International University Carnival on e-Learning (IUCEL) 2016 yang berlangsung di Universiti Teknologi Malaysia (UTM).

Program tahunan itu merupakan anjuran Kementerian Pengajian Tinggi (KPT), Majlis e-Pembelajaran Institut Pengajian Tinggi Awam (IPTA) Malaysia (Miepta) dan Akademi Kepimpinan Pengajian Tinggi (Akept) membabitkan penyertaan universiti awam dan juga swasta di seluruh negara.

Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa) UniSZA, Prof Dr Mahadzirah Mohamad berkata, tiga pingat emas, satu perak dan dua pingat gangsa berjaya diperoleh, sekali gus menyaksikan universiti berkenaan muncul tempat keenam secara keseluruhan.

"Kita menghantar 12 penyertaan dan kita sangat bersyukur dengan kejayaan yang mem-

banggakan ini.

"Pusat Kualiti Akademik dan e-Pembelajaran (Aqel) telah diberikan kepercayaan oleh pihak universiti sebagai urusetia bagi memastikan persediaan untuk karnival ini berjalan lancar," katanya.

Katanya lagi, tiga pingat emas diperoleh menerusi penyelidikan berinovasi bertajuk 'An Online Tool for Malaysian Dietary Index for Risk of Breast Cancer' oleh Dr Mohd Razif Shahril iaitu pensyarah dari Fakulti Sains Kesihatan.

"Pingat emas kedua diperoleh menerusi penyelidikan Mohd Firdaus Yahya dari Fakulti Bahasa dan Komunikasi dengan tajuk 'EZ-Arabic 2.0,' manakala pingat emas ketiga daripada penyelidikan dihasilkan Norkhairani Abdul Rawi dari Fakulti Informatik dan Komputeran dengan tajuk 'FIQIR Road Safety,' katanya yang turut mengetuai penyertaan dalam karnival berkenaan.

SINAR HOKAN 29/09/2016